

12/01/2000

SSB: Jaminan Halim melegakan

PADA 1994, Berita Harian mengadakan satu kajian rambang mengenai Sistem Saraan Baru (SSB) selepas menerima banyak rungutan dan mendengar pelbagai rintihan pelbagai pihak, termasuk kakitangan awam dan kesatuan sekerja, khususnya Cuepacs. Kesimpulan yang dibuat daripada kajian terhadap 390 responden di Lembah Klang, Johor Bahru, Kuantan, Ipoh dan Pulau Pinang ialah SSB masih tidak sempurna. Malah 53.6 peratus daripada mereka menyifatkan SSB tidak wajar digunakan sebagai kayu pengukur prestasi kakitangan awam, 68.5 peratus pula tidak setuju kuota lima peratus bagi pergerakan gaji melintang dan menegak diadakan. Hanya 29.5 saja responden bersetuju dengan SSB. Alasan kumpulan yang tidak mahu SSB ialah kerana ia tidak adil, tidak logik, berlaku pilih kasih, memungkinkan rasuah, melemahkan semangat pekerja dan mengurangkan produktiviti pekerja.

Pada tahun yang sama, Cuepacs juga mengadakan kaji selidik sendiri membabitkan kumpulan yang lebih besar iaitu 150,000 kakitangan awam di seluruh negara. Hasilnya 90 peratus daripada mereka tidak puas hati dengan SSB, lima peratus mempunyai pendapat berbelah bahagi, manakala hanya lima peratus puas hati dengan sistem itu. Apabila memorandum mengenai kaji selidik itu dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengkajinya dan membuat perubahan perlu kepada sistem itu.

Jika dilihat laporan sejak diperkenalkan pada 1992, bolehlah dikatakan SSB adalah antara sistem yang paling tidak disukai di negara ini. Berita Harian sendiri menyiarkan 151 daripada ratusan surat pembaca, yang rata-rata tidak puas hati dengan sistem itu. Lebih membimbangkan, apabila Presiden Cuepacs, N Siva Subramniam sendiri berpendapat kemerosotan sokongan kakitangan awam terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya lalu adalah disebabkan rasa tidak puas hati kakitangan rendah terhadap SSB. Sejak SSB diperkenalkan, Cuepacs sudah memulakan kempen 'menentang' sistem itu yang disifatkan sebagai tidak adil, berlaku pilih kasih dan menggalakkan amalan rasuah.

Melalui SSB, penilaian prestasi tahunan individu sektor awam ialah dua peratus akan mendapat pergerakan gaji melintang, tiga peratus pergerakan gaji menegak, 90 peratus pergerakan gaji mendatar dan lima peratus lagi statik (iaitu tiada pergerakan gaji dan disifatkan sebagai hukuman). Semua pihak berpendapat sistem ini memecahbelahkan perpaduan kakitangan awam, menggalakkan pilih kasih kerana kuasa penilaian terletak pada beberapa individu saja sehingga tuduhan pegawai penilai mencadangkan ahli keluarga sendiri bukan baru. Persoalan timbul mengapa sistem itu terus mendapat tentangan kesatuan sekerja dan kakitangan awam.

Sebelum ini kerajaan mempertahankan SSB dan tidak akan memansuhkannya kerana yakin ia berjaya meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan di samping memberi peluang kenaikan pangkat yang lebih luas. Malah, pada 1996, Ketua Perkhidmatan Awam Britain, Sir Robin Butler berkata SSB adalah satu sistem yang menarik dan dirangka dengan baik kerana ia melahirkan kakitangan awam yang progresif menerusi pelaksanaan skim gred berasaskan prestasi pekerja dan mencadangkan Britain turut menyerap sistem itu sebagai asas struktur pembayaran gaji baru di negara itu. Jelas sekali, kelemahannya bukan pada sistem, tetapi pada orang yang diberi amanah untuk melaksanakan tanggungjawab itu. Malah, Cuepacs sendiri pernah berkata mereka tidak menentang SSB, tetapi kelemahan pelaksanaannya.

Oleh itu, jaminan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali,

bahawa pihaknya bersedia mendengar segala rungutan amat dialu-alukan. Semua ini dilakukan kerana kerajaan peka terhadap keperluan untuk memperbaiki sistem pengurusan sektor awam. Jika perlu perubahan sewajarnya boleh dibuat dari semasa ke semasa. Terpulang kepada pihak beliau untuk meyakinkan sebahagian besar kakitangan awam yang tidak memihak kepada SSB. Sewajarnya kerajaan mengkaji setiap aduan dan menilai pandangan kesatuan sekerja supaya suara majoriti kakitangan awam diberi layanan saksama. Jika sistem itu baik seperti yang didakwa, sudah tentu kakitangan awam akan menyokongnya. Sesuatu perlu dilakukan untuk membuktikan bahawa kerajaan sememangnya peka dan sedia melakukan perubahan demi kepentingan 800,000 kakitangan awam yang selama ini dianggap penyokong kuat BN.

(END)